BE STILL DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

A SUGGESTED HYMN:
WE’LL STAND IN THE GAP

1 The eyes of the Father run to and fro
He’s searching the earth
He’s looking for those
Who make intercession
On behalf of their nation
Those who will rise up and pray

*We’ll stand in the gap on behalf of our land
We’ll stand in the gap on behalf of our land
Down on our knees
We’ll take our stand
And there intercede for our land
We’ll pray for the needs of our land*

2 The powers of darkness released on our lands
Will never prevail
Will never withstand
The deep intercession
By a people of passion
Those who will rise up and pray

Link: <https://youtu.be/YFL6ONc2Oe8>

AN EXERCISE IN PRAYING WITHOUT CEASING

Create your own daily timetable to intercede faithfully throughout each week. Build yourself into a rhythmic discipline to persevere in prayer. See if the Lord will not honour your faithful commitment!

A SUGGESTED DAILY TIME TABLE FOR INTERCESSION						
	Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday
Morning	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic
Noon	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost
Evening	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice
Night	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations

PANDUAN DOA MINGGUAN



Membangun Tembok dan Berdiri di Celah

“Aku mencari seseorang di antara mereka, yang akan membangun tembok dan berdiri di celah di hadapan-Ku demi negeri itu, sehingga Aku tidak perlu menghancurkannya, tetapi Aku tidak menemukan seorang pun. – Yehezkiel 22:30 ^{AYT}

Pada zaman Yehezkiel, Allah inginkan insan yang boleh **berdiri di celah** agar Israel akan bertaubat dan menjadi berkat kepada bangsa-bangsa lain. Allah mencari insan tersebut tetapi gagal menemui satu jiwa pun. Dia tidak dapat mencari seorang yang mempunyai kebijaksanaan mahupun perhubungan peribadi dengan Allah untuk mendirikan kekuatan, stabiiliti, dan keselamatan di kalangan umat-Nya sebelum Dia menjatuhkan hukuman atas Yerusalem yang telah lama menyembah berhala. Allah tidak dapat mencari satu orang pun pada zaman Yehezkiel, tetapi kita bersyukur kerana di dalam Yesus Kristus, Allah telah memberi kita Manusia terunggul, Pembina Tembok dan Pemelihara Besar – untuk **berdiri di celah**. Tuhan Yesus merupakan sumber kekuatan, kemantapan, dan keselamatan untuk umat Allah. Dialah yang hidup untuk selama-lamanya dan sentiasa berdoa untuk umat-Nya (Ibrani 7:25).

Pada hari ini, Allah mencari pembina tembok serta pendoa yang akan **berdiri di celah** untuk mengharungi arus cabaran zaman ini. Allah inginkan mereka yang setia berdoa untuk memenuhi Amanat Agung, menjadi perantara Allah dengan dunia yang berdosa. Allah juga mencari mereka yang tekun berdoa syafaat bersama-sama Tuhan Yesus Kristus, sehingga setiap bangsa akur kepada-Nya. Marilah kita tumpukan perhatian kita atas Juruselamat kita sewaktu kita berjaga-jaga dan tekun berdoa, kerana sekarang juga masa kita melihat wabak melandai pelbagai bangsa di seluruh dunia. Kita juga doakan belas kasihan dan kasih karunia atas dunia ini, sehingga seluruh dunia mengakui kebesaran Allah, dan bertaubat.

Walaupun keadaan di Malaysia semakin merosot, marilah kita **berdiri di celah** yang selari dengan kehendak Allah untuk negara kita. Marilah kita maju sebagai pembina kerajaan Allah, berani untuk menyatakan kebenaran kepada mereka yang berdosa dan berkuasa, agar mereka sedar akan dosa mereka dan bertaubat, supaya negara kita diselamatkan. Marilah kita tetap tekun dalam doa, kerana besar ganjarannya untuk mereka yang berharap dalam Kristus, dan marilah kita terus maju dalam penuh kesetiaan untuk membina kerajaan-Nya, serta **berdiri di celah** untuk setiap bangsa.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, ***Pause*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, ***Rejoice*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan ***Reflect*** (Merenuh) atas Alkitab. ***Ask*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan ***Yield*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

FOKUS BULAN INI

Pandemik Covid-19

Doakan penularan virus dan varian baru akan berhenti

Menemui Kristus

Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus, dan semoga kita berani menjadi pengutus Berita Baik Yesus Kristus.

Berhenti untuk Memuji 7 kali Sehari

Menetapkan penggera kita dan mendisiplinkan diri untuk berhenti serta memuji Dia 7 kali sehari sehingga ia menjadi satu tabiat

PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

BACA DAN RENUNGKAN Mazmur 36

DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, ampunilah kami kerana kurang berbelas kasihan terhadap mereka yang sesat. Ampuni kami kerana kami tidak sanggup kongsi Berita Baik. Walaupun sekarang merupakan waktu di mana ramai yang mati tanpa mendengar Injil, kami tidak tahu apa yang perlu dilakukan untuk membawa mesej penyelamatan ini kepada mereka di tengah-tengah situasi pandemik yang mencabar ini.

Kami berkata bahawa kami mengasihi-Mu, tetapi kami gagal mentaati perintah-Mu, terutamanya dalam hal pemuridan. Kami menipu diri sendiri, mendengar Firman-Mu tetapi tidak melakukannya. Bapa, kami ingin berasa cemas dalam memenuhi Amanat Agung, iman untuk menyatakan Firman-Mu secara berani kepada dunia yang memerlukan Injil Yesus Kristus.

Bapa, kami mempertahankan negara kami, mengakui dosa kami dan memerlukan pengampunan-Mu untuk segala kejahatan dan penyembahan berhala yang berlaku di negara kami. Kiranya Engkau menyucikan negara Malaysia, dari utara ke selatan, dari timur ke barat; kami tidak akan bergantung kepada kekuatan diri sendiri mahupun ahli politik, tetapi hanya kepada-Mu, ya Allah, untuk kembalikan negara kami ke arah kebenaran, perbenaran, dan keadilan.

Pulihkan negara kami, ya Tuhan, daripada wabak ini. Kami memerlukan pimpinan Roh Kudus, untuk peluang membawa Injil Perdamaian dan Harapan Engkau untuk waktu yang mendesak seperti ini. Ajarlah kami untuk menghitung setiap hari, menggunakan masa dengan bijak, kerana kami berada di tengah-tengah zaman yang jahat. Ajarlah kami untuk berdoa syafaat tanpa berhenti – dengan menyangkal diri secara sengaja, **berdiri di celah** bagi bangsa-bangsa lain di sekeliling kami. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

REJOICE PENYEMBAHAN


PUJIAN DAN KESYUKURAN

Seperti yang Pemazmur nyatakan, kasih setia-Mu, ya Tuhan, menjangkau langit, kesetiaan-Mu mencecah awan. Pada waktu yang terdesak ini, perbenaran-Mu seperti gunung-ganang yang mengagumkan. Kebijaksanaan-Mu tidak dapat difahami. Engkaulah Batu Karang dan Penyelamat kita, dan kita berharap pada-Mu.

Ya Allah, kita menghargai kasih-Mu. Di tengah-tengah badai wabak dan huru-hara politik ini, kita berteduh di bawah sayap-Mu. Kepada mereka yang percaya pada-Mu dan tetap setia akan mengalami kasih sayang-Mu serta penjagaan-Mu, kerana Engkau akan memberi kita air dari sungai sukacita!

Dengan-Mu, ya Tuhan, adalah sumber air kehidupan. Di dalam terang-Mu, kita dapat melihat dan melalui lembah maut. Manusia mungkin mempunyai rancangan jahat, tetapi Engkau tidak akan membenarkan mereka memenuhi hasrat mereka. Mereka yang jahat akhirnya akan tertewas untuk selamanya. Engkau memberi kita kesejahteraan yang dunia tidak mampu beri, dan kita memuji-Mu kerana Engkau sanggup menyelamatkan. Engkau bermaharajalela atas bangsa kita, ya Tuhan, dan mata kita tertuju kepada-Mu untuk menyinari kegelapan dan mengusir segala yang jahat dari Malaysia. Di dalam nama Yesus kita berdoa, AMIN.

ASK BERMINTA Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan** (Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini).



LAGU CADANGAN:

BAPA ENKAU SUNGGUH BAIK

Bapa Engkau sungguh baik
Kasih-Mu melimpah di hidupku
Bapa ku bert'rimakasih
Berkat-Mu hari ini yang Kau
sediakan bagiku

Kunaikkan syukurku buat hari
yang Kau b'ri
Tak habis-habisnya kasih dan
rahmat-Mu
S'lalu baru dan tak pernah
terlambat pertolongan-Mu
Besar setia-Mu di s'panjang
hidupku

Besar setia-Mu
Besar setia-Mu
Besar setia-Mu
Di s'panjang hidupku
Kau sungguh baik, Bapa

Pautan:

<https://www.youtube.com/watch?v=vJC7QrOF1j4>

DOA SYAFAAT

1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. **Kebijaksanaan untuk pihak berkuasa dalam melaksanakan Pelan Pemulihan Negara.** Kita bersyukur kerana Sarawak, Labuan, dan Perlis telah memasuki Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Doakan pihak berkuasa sewaktu mereka melonggarkan syarat-syarat SOP untuk seluruh negara dalam melaksanakan Fasa PPN yang seterusnya. Doakan negeri Selangor yang paling terkesan sekarang. Doakan untuk kebijaksanaan dan kesabaran sewaktu berhadapan dengan tekanan yang meningkat untuk membenarkan lebih banyak sektor ekonomi untuk beroperasi sambil memastikan bahawa perebakan virus akan diperlahankan ataupun berhenti;
- b. **Perlindungan daripada varian virus baru.** Marilah kita terus doakan perlindungan daripada varian virus baru seperti Delta dan Lambda yang lebih senang berjangkit, memandangkan *Sarawak, Labuan, dan Perlis* telah masuk ke fasa-3 PPN. Marilah kita tekun berdoa agar lebih ramai orang akan sembuh memandangkan kadar kematian dan jangkitan baru mencecah rekod baru setiap minggu. **Tekun berdoa** agar oleh kerana belas kasihan Allah, Dia akan menghentikan wabak ini serta mutase virus dan memulihkan negara kita;
- c. **Kejayaan Program Imunisasi dan bekalan yang secukupnya.** Kita bersyukur kepada Allah atas usaha pemvaksinan yang semakin meningkat dan diterima oleh pihak awam dengan baik. Terima kasih kepada Tuhan kerana kawasan *Lembah Klang Besar*, kawasan yang paling terkesan di Malaysia dari segi penularan Covid-19, di mana hampir 100% penghuni di sana telah menerima vaksin yang pertama. Terus berdoa agar terdapat bekalan vaksin yang mencukupi agar pihak berkuasa boleh teruskan usaha mereka, memandangkan 23% daripada orang dewasa telah melengkap dos vaksin mereka. Doakan perlindungan di semua pusat pemvaksinan, serta penambahbaikan SOP agar para sukarelawan tidak dijangkiti;
- d. **Ujian saringan yang berterusan, laporan konsisten serta bekalan perubatan yang mencukupi.** Doakan agar terdapat bekalan yang mencukupi dalam memerangi pandemik ini. Doakan pihak berkuasa akan menjalankan ujian saringan secara berterusan dan data yang tepat akan diterbitkan, agar dapat menangani dan membendung penularan di kawasan-kawasan tertentu serta menurunkan kadar kematian. Doakan agar kita tahu keadaan penularan jangkitan Covid-19 yang sebenarnya;
- e. **Kuatkan pekerja dalam bidang perubatan dan membaik pulih faedah doktor kontrak.** Kita sedih melihat para doktor kontrak yang terpaksa memogok untuk memperoleh faedah serta suasana kerja yang lebih adil; kita berdoa agar kerajaan akan mempunyai keinginan untuk menjaga kebajikan semua pekerja baris hadapan kita yang telah bertungkus-lumus tanpa henti. Kita berdoa agar doktor kontrak akan dilayan dengan sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan, dan dengan keadilan yang selaras dengan titik peluh serta pengorbanan mereka. Terus doakan agar mereka dipelihara daripada keletihan, kelesuan, dan jangkitan, memandangkan lebih banyak wad-wad di hospital menjadi titik penularan kes Covid. Doakan kebijaksanaan dan belas kasihan sewaktu mereka merawat jumlah pesakit yang banyak. Doakan agar lebih ramai lagi sukarelawan perubatan dan kemudahan perubatan swasta yang memberi pertolongan akan diluluskan;
- f. **Agar sistem kesihatan akan bertahan.** Hospital awam sedang mengalami situasi yang sangat mencabar, memandangkan kekurangan kemudahan yang sedia ada, terutamanya di dalam Lembah Kelang, di mana lebih banyak wad ICU dan wad umum ditukar menjadi wad Covid, dan hospital am ditukar menjadi hospital Covid.
Kita turut berdukacita atas kadar kematian yang tinggi, terutamanya mereka yang mati di bawa hospital atau *"Brought-In-Dead"* (BID) serta kekurangan katil untuk mereka yang memerlukan rawatan. Peningkatan kadar kematian amat membimbangkan kerana ini menunjukkan bahawa ramai orang tidak sedar bahawa mereka dijangkit, ataupun hospital-hospital tidak mampu menampung kes-kes kritikal memandangkan orang telah mati di rumah mereka tanpa menerima rawatan yang sepatutnya.
Doakan agar lebih banyak bekalan dan tenaga kerja disediakan untuk mengatasi cabaran ini – termasuk katil, sukarelawan, bekalan alat kesihatan, ubat, dan oksigen, mahupun bilik jenazah bergerak, ambulans, dan pekerja pengebumian akan mencukupi. Doakan inisiatif kuarantin sendiri di rumah akan berjaya, serta mereka yang sakit bukan kerana Covid tidak akan mati kerana tidak dapat menerima sebarang rawatan oleh kerana kekurangan tenaga kerja;
- g. **Untuk pesakit dan yang dijangkiti.** Doakan pesakit di ICU bahawa mereka akan pulih. Doa untuk penyembuhan dan pertolongan, agar jasmani dan rohani pesakit diperkuatkan. Doakan agar mereka yang Covid positif akan mengurungkan diri di dalam rumah, agar mereka dapat menerima penjagaan rapi oleh gereja dan kawan-kawan. Ingati mereka yang sedang menderita akibat kesan Covid-19 yang berpanjangan agar mereka akan pulih dengan sepenuhnya;
- h. **Golongan yang paling mudah terjejas.** Minta daripada Allah untuk melindungi golongan yang berusia dan mereka yang mempunyai penyakit kronik, serta golongan belia dan kanak-kanak. Doakan mereka yang tinggal

di rumah kanak-kanak, rumah warga emas, serta penjaga mereka, untuk dilindungi daripada sebarang jangkitan coronavirus. Doakan mereka yang mengalami cabaran mental yang berasa sunyi, resah, dan tidak berupaya. Doakan agar setiap orang mampu menerima pertolongan yang sewajarnya daripada kawan-kawan, memandangkan jumlah kes bunuh diri yang semakin meningkat, di mana kita perlu tekun berdoa untuk mereka yang telah putus harapan;

- i. **Doakan pembukaan sekolah pada bulan September.** Doakan agar semua para guru dan staf sekolah akan divaksinasi sebelum sekolah dibuka pada bulan September. Doakan agar ibubapa akan berwaspada untuk melindungi anak-anak mereka sewaktu mereka menyiapkan diri untuk meneruskan pembelajaran di sekolah;
- j. **Kejayaan melaksanakan Program Imunisasi.** Kita bersyukur kerana pelaksanaan program imunisasi semakin dipercepatkan dan pihak awam menyokong usaha tersebut. Kita bersyukur kerana jumlah rakyat yang telah menerima vaksin sekurang-kurangnya sekali adalah 15 juta orang. Doakan agar terdapat bekalan vaksin yang mencukupi memandangkan usaha pemvaksinan yang dipercepatkan. Doakan agar usaha pantauan oleh pihak berkuasa akan diperketatkan supaya sindiket dan pembekal vaksin yang tidak ikhlas tidak akan mencuri vaksin untuk menguntungkan diri sendiri. Doakan agar semua orang akan melihat betapa pentingnya menerima vaksin tanpa memilih jenis vaksin dan memenuhi tanggungjawab kita untuk “*Saling Mengasahi Sesama Sendiri*”. Doakan perlindungan atas semua pusat pemvaksinan, serta kepatuhan terhadap SOP agar sukarelawan tidak dijangkiti virus Covid-19;
- k. **Keadilan dalam pengagihan vaksin.** Kita bersyukur kerana kerajaan dan pihak NGO berusaha memastikan bahawa semua orang akan menerima vaksin, termasuk mereka yang bukan warganegara, pendatang, pelarian, yang miskin dan ditindas, serta orang yang berada di kawasan pedalaman. Kita juga bersyukur bahawa kaum gelandangan turut tergolong dalam program imunisasi. Kita bersyukur atas inisiatif di mana unit pemvaksinan bergerak melawati rumah-rumah panjang, kampung, dan rumah warga emas. Doakan agar pihak berkuasa akan melayan golongan pendatang dan pelarian dengan adil dan saksama pada waktu yang genting ini dalam pengagihan vaksin – agar imuniti kelompok dapat dicapai secepat mungkin dan keselamatan awam dipelihara;
- l. **Berbelas kasihan dan berlaku adil.** Doakan pihak berkuasa akan berlaku adil dalam segala hal sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP tanpa membezakan antara yang kaya dan berkuasa dengan yang miskin dan biasa. Doakan agar pihak berkuasa akan berbelas kasihan dan tidak menyaman pihak awam sesuka hati;
- m. **Kelesuan memerangi pandemik dan kemarahan orang awam.** Doakan agar kestabilan sosial, ekonomi, dan politik negara ini akan dipelihara walaupun pihak awam sudah kecewa. Doakan agar pihak awam akan berdisiplin dan berwaspada sewaktu ekonomi negara dibuka secara berperingkat, dan dipelihara walaupun sudah letih menghadapi dengan pelbagai cabaran. Doakan agar rakyat akan berwaspada supaya tidak memainkan peranan dalam penularan penyakit ini;
- n. **Pemulihan sektor pekerjaan akibat pengangguran.** Doakan situasi pekerjaan akan pulih, serta perlindungan daripada tekanan dan perasaan putus harapan, dan para majikan akan memberi pertolongan yang wajar kepada pekerja yang terjejas, termasuk mereka yang *kais pagi*, *makan pagi*, serta pekerja asing. Doakan pemilik perniagaan akan sentiasa berjaga-jaga untuk mengelakkan penularan virus di tempat kerja. Doakan agar tuan tanah akan bersimpati terhadap penyewa mereka;
- o. **Para mubaligh yang melayan di negara yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.** Semoga Allah memberi mereka kata-kata yang penuh hikmat dan harapan, serta mengurapi mereka dengan keyakinan dan perlindungan sewaktu mereka mengasahi dan melayan orang di sekeliling tanpa berasa takut mahupun resah. Doakan agar gereja yang mengutuskan para mubaligh ini akan terus memberi sokongan dan dorongan yang sewajarnya;
- p. **Negara Asia lain yang dilandai varian-varian baru Covid-19.** Doakan agar belas kasihan Allah akan menghentikan pandemik ini daripada kesan yang lebih teruk di seluruh dunia, terutamanya dengan kemunculan varian baru. Kita berdoa agar orang tidak akan lalai terlalu awal terhadap kemunculan varian baru virus ini, terutamanya di UK dan AS. Doakan agar negara kaya lain yang mempunyai stok vaksin serta alat perubatan yang lebih akan berkongsi dengan negara lain yang miskin.

2. PEMULIHAN NEGARA

- a. **Persidangan Parlimen Khas.** Kita bersyukur kepada Allah atas persidangan Parlimen khas yang sedang berlaku memandangkan Perintah Darurat Kebangsaan tidak akan dilanjutkan selepas Ogos 1. Kita terus



doakan Sarawak di mana Perintah Darurat dilanjutkan sehingga Februari 2022 untuk memastikan bahawa pilihanraya negeri Sarawak akan dijalankan dengan selamat. Marilah kita terus berdoa agar persidangan Parliamen biasa akan diteruskan setelah *lockdown* selama 2-minggu ini tamat; serta untuk situasi politik yang tidak stabil selama ini.

- b. Penyucian suasana rohani.** Mari kita setia berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah “matahari yang penuh kebenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya.” Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan *SHALOM* kepada Malaysia [*Kolose 2:15*]. Nyatakan kemenangan atas setiap rancangan politik yang jahat dan memecah-belahkan keharmonian negara ini. Doakan agar kemenangan akan mengatasi golongan yang rakus akan kuasa dan kekayaan, termasuk mereka yang tamak kuasa dan ingin melepaskan diri daripada hukuman mahkamah melalui pelbagai cara yang haram. Doakan untuk kemenangan di dalam nama Yesus atas mereka yang ingin mencetuskan perasaan cemas dalam negara melalui bangsa, agama, dan kerabat di-Raja serta mengancam kesihatan orang awam – dengan mengadakan pilihanraya umum untuk kepentingan diri sendiri Doakan agar kedamaian Allah akan menyelubungi Malaysia;
- c. Sinarkan terang-Nya atas kegelapan di Malaysia.** Mintalah Allah yang Maha Kuasa untuk membongkarkan segala motif tersembunyi di kalangan mereka yang mempunyai cita-cita peribadi untuk memegang kuasa, serta menyebabkan kuasa jahat lari lintang-pukang dalam nama Yesus yang berkuasa. Doa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menubuhkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- d. Keadaan ekonomi Kerajaan yang sedang tenat.** Doakan agar dasar strategik akan diimplementasi dengan berkesan untuk mengelakkan kebarangkalian krisis kewangan kebangsaan daripada berlaku. Doakan agar kerajaan akan bijaksana dalam mengendalikan perbelanjaan, walaupun kerajaan telah membenarkan rakyat untuk mengeluarkan duit daripada akaun KWSP mereka – duit yang sepatutnya disimpan untuk masa depan mereka. Doakan kebijaksanaan untuk kerajaan sewaktu mereka mengemudikan Malaysia keluar dari pandemik ini sambil mengimbangkan kehidupan dan ekonomi, supaya semua pihak bekerjasama menangani hal-hal penting yang berkaitan dengan ekonomi di tengah-tengah *lockdown* ini;
- e. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan.** Doa agar politik kewangan akan dibasmikan serta gejala rasuah dan penyelewengan wang kerajaan melalui pelbagai syarikat berkaitan dengan kerajaan akan berhenti selain daripada memanfaatkan negara dan semua *Rakyat*. Doakan agar Ketua Polis Negara dan Polis Di-Raja Malaysia akan dilindungi daripada gejala rasuah dan pengaruh dari luar. Doakan agar keadilan dan kebenaran akan ditegakkan di mahkamah-mahkamah kita. **Doa kepada Allah** untuk calon-calon yang amanah serta bijaksana akan bangkit untuk melayan rakyat dan bukan memperkayakan diri sendiri, serta memimpin negara ini dengan penuh amanah dan keikhlasan supaya kita sebagai sebuah negara akan menjadi cemerlang;
- f. Kebertanggungjawaban dan pentadbiran urus baik.** Kebertanggungjawaban pada setiap lapisan kerajaan, terutamanya bermula dari Jabatan Perdana Menteri ke Menteri-Menteri Kabinet hingga ke penjawat awam, untuk mengubah nilai-nilai etika dan budaya negara kita. Doakan semua para Ahli Parlimen supaya mereka setia kepada pengundi-pengundi mereka tanpa mengambil kesempatan melompat dari satu parti ke parti yang lain;
- g. Kecemerlangan dalam segala hal.** Doakan agar roh yang merosotkan masyarakat, mengurangkan kadar produktiviti kebangsaan serta mengongkang minda rakyat diganti oleh semangat kecemerlangan, agar negara ini akan maju dan makmur, dan tiada satu pun suku, bangsa, dan agama yang ketinggalan;
- h. Perlindungan atas Kementerian Pendidikan daripada digunakan sebagai alat ideologi dan politik.** Doakan agar Malaysia akan mempunyai guru-guru yang cekap dalam hal-ehwal mengajar serta bermoral, patriotic, dan berdedikasi di dalam panggilan ini. Doakan agar guru-guru akan dipilih mengikut kebolehan masing-masing, dan bukan kerana agama dan bangsa mereka. Doakan agar Kementerian Pendidikan akan menumpukan perhatian untuk melatih guru-guru yang berbakat daripada generasi pelapis, dan tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk memajukan agenda ideologi dan politik;

"TUJUH KALI SEHARI AKU MEMUJI-MU KERANA HUKUM-HUKUM-MU YANG BENAR."

Plasma 119-166 AVB

Pujian memulakan Tuhan. Semakin sibuk kita, semakin kita memerlukan Tuhan. Semakin kita perlu berhenti sejenak untuk berdoa dan memuji:

- Semakin kita perlu bersuka-cita sentiasa, berdoa tanpa henti dan bersyukur dalam segala keadaan.
- Untuk mengubah rutin harian kita untuk mendekatkan kita dengan Tuhan dan memulakan-Nya.
- Untuk membawa kehadiran Tuhan ke dalam situasi harian kita.
- Untuk menghadirkan suatu gaya hidup doa yang terasa seperti beribadat dan menjadi kebiasaan seperti bernafas yang membawa kedamaian, menjaga hati dan fikiran kita di dalam Tuhan, Yesus Kristus.

PANGGILAN UNTUK BERTINDAK

24-7 DOA ASIA
DOA | MISI | KEBERHILAN

i. Kita bertaubat daripada penganiayaan pelarian dan pendatang asing

Perhatian: Malaysia telah diturunkan dari Tahap 2 ke Tahap 3, iaitu tahap terendah di dalam Laporan Perdagangan Manusia (2021) oleh kerana kemerosotan dalam hal-ehwal tempat kerja serta paksaan atas pekerja, terutamanya di dalam sektor perkilangan sarung tangan dan pertanian – bertambah pula dengan perdagangan manusia untuk tujuan eksploitasi seksual serta penyeludupan pendatang asing secara haram. Kita meratap kerana negara kita telah merosot dalam hal kebajikan pekerja asing, pendatang serta pelarian. Walaupun kita berada di tengah-tengah pandemik Covid, orang pelarian dan pendatang asing berhadapan dengan serbuan dan tuduhan jenayah.

Kita memerlukan pengampunan Allah sedangkan kita berdoa, agar kita mempertahankan hak golongan yang teraniaya dan tertindas. Marilah kita berdoa agar kerajaan Malaysia akan berusaha menghapuskan gejala rasuah di kalangan penguatkuasa [seperti imigresen, tentera, dan polis] yang bersalah kerana berganding bahu dengan para penjenayah dalam hal perdagangan manusia. Doakan untuk sektor swasta di kalangan peniaga untuk melayani pekerja mereka dengan sewajarnya dan baik. Doa supaya Allah akan memecahkan rantai aktiviti jenayah ini. Kita doakan untuk NGO-NGO dan pihak-pihak yang ikhlas seperti aktivis pelarian, **Heidy Quah** yang telah dituduh memuatnaik berita palsu di laman media sosial tentang keadaan tempat tinggal yang tidak berperikemanusiaan di kalangan ibu-ibu muda serta kanak-kanak di kem tahanan. Doakan agar perlindungan, kebenaran, dan keadilan akan dilaksanakan untuk Heidy dan para aktivis seperti dia;

3. GEREJA

- a. **Seruan untuk melangkah dalam iman dan melayan masyarakat.** Doa agar kita tidak berasa takut akan dijangkiti Covid-19, tetapi tampil ke depan dalam iman, keberanian, dan kebijaksanaan untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan selama terdapat rakyat yang memerlukan bantuan melalui *Gerakan Bendera Putih*. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih untuk mereka yang ditimpa wabak dahulu. Amanat Agung masih merupakan objektif utama kita walaupun kita melayani semua manusia oleh kerana kasih Allah untuk seluruh dunia.
- b. **Seruan untuk membawa kedamaian dan penyembuhan.** Kita juga bersyukur kepada Allah bahawa di tengah-tengah pandemik ini, ramai individu serta NGO dari pelbagai latarbelakang telah menolong golongan yang terkesan tanpa mengambil kira bangsa dan agama, di mana usaha ini telah sedikit sebanyak memperbaiki perpaduan di Malaysia. Marilah kita tekun berdoa untuk inisiatif baru seperti Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah yang dioperasikan CREST Malaysia untuk menolong golongan B40. Marilah kita berdoa untuk sokongan rohani dan secara praktikal untuk memenuhi keperluan.
- c. **Seruan untuk bersedia menjadi gereja selepas pandemik ini berakhir.** Doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka diberi hikmat dan kebijaksanaan supaya bersedia memenuhi keperluan rohani apabila pandemik ini berakhir – dalam hal pengembalaan, pelayanan misi, dan pelaksanaannya. Doakan agar mereka akan bersedia menghadapi kesan daripada kemudahan digital yang mungkin menyebabkan penurunan jumlah jemaat di ibadahnya fizikal kerana mereka lebih selesa menyertai dari rumah masing-masing, serta mengeratkan hubungan dengan domba-domba yang tidak bersemuka sepanjang 18 bulan ini.
- d. **Seruan untuk doakan lapisan pemimpin gereja.** Serahkan pastor-pastor, paderi, gembala, dan pekerja gereja dalam doa – terutamanya mereka yang mudah dijangkiti Covid-19 oleh kerana pelayanan mereka. Doakan agar domba-domba akan menunjukkan kasih dan menjaga kebajikan gembala mereka dalam mengurangkan peluang jangkitan. Doakan agar pemimpin gereja akan bijaksana menjaga diri sendiri sedangkan lebih ramai antara mereka dijangkiti, dan ada juga yang sudah meninggal, kerana mereka amat penting untuk memajukan kerajaan Allah. Kita memerlukan mereka menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri. Marilah kita menyeru kepada Allah untuk memelihara mereka dengan kasih dan perlindungan-Nya.

4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT

- a. **Doa-untuk-5.** Doakan 5 orang setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka SETIAP HARI tanpa berputus asa;
- b. **Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan untuk mereka yang sesat. Semoga kita peka terhadap peluang untuk mendoakan orang yang tidak dikenali, bernubuat, dan membawa

AKU BERKATA KEPADAMU BAHAWA BEGITU JUGALAH
KEGEMBIRAAN DI SYURGA KERANA SEORANG YANG
BERDOSA BERTAUBAT LEBIH DARIPADA KEGEMBIRAAN
KE ATAS SEMBILAN PULUH SEMBILAN ORANG YANG
BENAR YANG TIDAK PERLU BERTAUBAT.”

Lukas 15:7 AVB



- Berdoalah untuk 5 orang setiap hari - rakan-rakan dan keluarga - agar mereka dapat menemui kasih Tuhan Yesus Kristus kita dan diselamatkan. [Ikat 5 simpul pada seutas tali, atau ikat 5 biji manik dalam seutas tali atau gelang dan pakailah untuk mengingatkan anda supaya mendoakan mereka setiap hari.]
- Berdoalah agar lebih ramai pekerja dihantar ke ladang menuai. "Kata Yesus kepada murid-murid-Nya, "Tuaiannya banyak sekali tetapi penani hanya segelintir. Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada tuannya yang mempunyai tuaiannya itu supaya menghantar pekerja untuk menuai." - Matius 9: 37-38 AVB

pemulihan serta kesembuhan, agar mereka sedar bahawa ini perjumpaan yang luarbiasa, dan mereka akan menerima penyelamatan setelah mendengar Berita Baik;

- c. **Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya. Doa agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisytiharkan Dia pada setiap waktu, dan dipakai sebagai bejana Allah untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa.
- d. **Berhadapan dengan Urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini. Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan tolong kita menumpukan fokus kerana urusan kita masih belum selesai walaupun berada di tengah-tengah pandemik. Tuhan kita telah mengurniakan kita dengan kuasa dan buah Roh Kudus-Nya untuk menjadi saksi-Nya dari sekarang hingga ke akhir zaman.

5. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda sekarang.

YIELD MENYERAH DIRI

Marilah serahkan jiwa kita dengan sepenuh hati kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.

DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13* ^{AVB}

“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”

NYATAKAN *Yohanes 14:27* ^{AVB} dan *Yohanes 20:21* ^{AVB} BERSAMA-SAMA

“Sejahtera Kutinggalkan bagimu. Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang disogokkan oleh dunia. Janganlah resah hatimu dan janganlah takut.”

Yesus berkata lagi kepada mereka, “Damai sejahtera kepada kamu! Sebagaimana Bapa mengutus-Ku, begitulah Aku mengutusmu.”

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

**CADANGAN LAGU PENUTUP:
WALAU SERIBU REBAH**

Tiada Pernah Kuragukan
Kasih SetiaMu Ya Tuhan
Setiap Waktu Dalam Hidupku
Tak Pernah Kau Tinggalkan

Meski langit tampak suram
Awan gelap pun menghadang
Hadapi badai lewati g'lombang
Tak pernah kau tinggalkan
diriku

Walau seribu rebah di sisiku
Kau tetaplah Allah penolongku
Walau sepuluh ribu rebah di
kananku
Tak kan ku goyah sbab Yesus
sertaku

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=Klc7Wqfw6BU>

Latihan Tekun Berdoa:

Aturkan jadual harian untuk berdoa syafaat sepanjang minggu ini. Latihkan diri untuk mendisiplinkan diri dalam doa. Lihatlah bagaimana Tuhan bekerja oleh kerana kesetiaanmu!

CADANGAN JADUAL HARIAN UNTUK BERDOA SYAFAAT						
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
Pagi	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid
Tengah hari	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat
Petang	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial
Malam	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa